

**KENYATAAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**24 OKTOBER 2017**

---

**1. PELANTIKAN PENGARAH PERKHIDMATAN KESIHATAN**

Sukacita dimaklumkan bahawa berkuatkuasa **2 Oktober 2017**, Majlis telah melantik Pengarah Perkhidmatan Kesihatan (Pegawai Perubatan Gred UD47 Tetap) yang baharu iaitu Dr. Sujatha a/p R. Saravanan. Beliau mempunyai kelulusan dalam Bachelor Of Medicine And Bachelor Of Sugery (Mangalor University). Pengalaman beliau ialah bertugas mulai 3 Mei 2009 hingga 30 September 2017 ( 8 tahun 4 bulan) sebagai Pegawai Perubatan (Kontrak) di Hospital Bukit Mertajam.

Majlis dengan ini mengucapkan tahniah di atas pelantikan beliau dan berharap beliau dapat memimpin Jabatan Perkhidmatan Kesihatan MPSP ke arah kecemerlangan.

## **2. PENGLIBATAN KAKITANGAN DALAM PEMBENTUKAN PELAN STRATEGIK SEBERANG PERAI 2018 -2022**

Sebagai satu inisiatif menjadikan Seberang Perai lebih inklusif, saya menyarankan agar kakitangan Gred 11 yang berada dilapangan didedahkan mengenai halatuju dan Pelan Strategik Seberang Perai 2018 - 2022. Oleh itu pada 5 dan 6 Oktober 2017, saya telah memberi sesi Penerangan Halatuju Pelan Strategik Seberang Perai 2018 – 2022 di ketiga-tiga daerah dengan melibatkan sebanyak 3,148 orang kakitangan Gred 11. Susulan dari perjumpaan ini, sebanyak 20 sesi *Brainstorming* telah diadakan bersama kakitangan Gred 11 bagi mendapatkan pandangan dan idea untuk merealisasikan Pelan Strategik Seberang Perai 2018 - 2022. Hasil perbincangan dalam sesi *Brainstorming* ini akan dimasukkan di dalam Pelan Tindakan perlaksanaan Pelan Strategik ini.

## **3. OPERASI SERAHAN WARAN TAHANAN**

Saya di sini ingin memaklumkan bahawa operasi serahan waran tahanan telah mula dilaksanakan pada 9 Oktober 2017 ke atas

pemilik premis yang masih belum menjelaskan tunggakan cukai taksiran selepas tempoh yang telah ditetapkan.

Oleh itu, pemilik premis dinasihatkan agar menjelaskan tunggakan cukai taksiran dengan **SEGERA** bagi mengelakkan pemilik premis dikenakan waran tahanan dan sitaan harta alih oleh MPSP.

Semakan dan bayaran boleh dibuat di kaunter bayaran MPSP di Bandar Perda, kaunter cawangan Kampung Jawa, Butterworth dan kaunter cawangan Jawi atau secara **online** di laman web MPSP iaitu [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my), laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu <https://ebayar.penang.gov.my> serta pembayaran juga boleh dibuat melalui perbankan internet di 16 bank yang telah dilantik.

Pembayaran juga boleh dibuat di agensi-agensi kutipan yang telah dilantik seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Bank Rakyat, PDC, PBA, Pos Malaysia (seluruh Negeri Pulau Pinang) dan TNB (Seberang Perai sahaja).

Sila hubungi di talian 04-5497891 / 790 / 470 / 471 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai cukai taksiran anda.

#### **4. PENGUMUMAN DISKAUN 90% BAGI PEMBAYARAN KOS PERMOHONAN TUKAR GUNA BANGUNAN BAGI TUJUAN PEMUTIHAN TASKA DAN PUSAT JAGAAN**

Pengumuman diskaun 90% bagi pembayaran kos permohonan tukar guna bangunan bagi tujuan pemutihan taska dan pusat jagaan telah dibuat oleh YB Puan Chong Eng (Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti) pada 12 Oktober 2017. Pemberian diskaun ini hanya layak kepada pengusaha Taska dan Pusat Jagaan yang beroperasi sebelum 15 September 2017 sahaja manakala bagi pengusaha yang beroperasi mulai 16 September 2017 pula dikehendaki mematuhi garis panduan PBT sedia ada. Sehubungan itu, tiada pengembalian wang akan diluluskan bagi pihak pengusaha yang telah menyelesaikan bayaran tersebut sebelum pengumuman ini.

Pemberian diskaun ini adalah sah untuk tempoh setahun sahaja iaitu bermula dari 15 September 2017 sehingga 14 September 2018. Setelah tamat tempoh pemberian diskaun ini, tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama-sama semua agensi yang terlibat akan diambil terhadap Taska dan Pusat Jagaan yang masih lagi beroperasi tanpa lesen. Kami berharap dengan usaha ini, lebih ramai pengusaha akan tampil untuk berdaftar agar kualiti

perkhidmatan yang diberikan boleh dipantau, serta memastikan pusat jagaan dan taman asuhan tersebut beroperasi mengikut SOP yang telah ditetapkan.

## **5. PENYERTAAN DALAM KONVENTSYEN KIK PERINGKAT NEGERI P. PINANG 2017 (KATEGORI INOVASI SOSIAL).**

Sukacita dimaklumkan bahawa Pasukan KIK MPSP 2017, Kumpulan THO-IFAH e3 yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Kejuruteraan, Perbendaharaan dan Bangunan telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam Konvensyen KIK Peringkat Negeri Pulau Pinang 2017 (Kategori Inovasi Sosial). Tajuk KIK 2017 adalah *Anti Theft Sliding Service Door For Lamp Post - A.TESS DOOR 2.0*.

Pasukan KIK 2017 MPSP juga turut memenangi Anugerah Persembahan Terbaik 2017 dan ini merupakan tahun 4 berturut-turut MPSP memenangi anugerah ini.

Majlis mengucapkan tahniah kepada Pn. Nadia Faradila binti Jalawi (Penolong Pengarah Kejuruteraan) sebagai Ketua Kumpulan serta ahli kumpulan KIK 2017 MPSP yang terlibat atas kejayaan ini dan berharap Majlis akan terus mencipta inovasi-

inovasi baru pada masa hadapan demi kesejahteraan dan kemudahan kepada penduduk Seberang Perai.

## **6. PROVISIONAL CERTIFICATE FOR LOW CARBON CITIES FRAMEWORK & ASSESSMENT SYSTEM**

MPSP telah mendapat pengiktirafan *Provisional Certificate for Low Carbon Cities Framework & Assessment System baseline through a One System Approach* melalui Projek Perintis *Low Carbon Cities Framework* (LCCF) – Bangunan Ibu Pejabat MPSP oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dengan kerjasama GreenTech di Program International GreenTech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia 2017 (IGEM 2017) pada 13 Oktober 2017 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). LCCF & Assessment System akan digunakan bagi menilai perbandaran rendah karbon berdasarkan kaedah pengukuran jumlah pembebasan karbon di Bangunan Ibu pejabat MPSP.

## **7. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Program MPSP Car Free Morning akan diadakan pada 5 November 2017 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula jam 7.30 pagi hingga 12 tengah hari. Seterusnya, Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Mak Mandin akan diadakan pada 19 November 2017 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 26 November 2017 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**